

KE ARAH PEMBENTUKAN BANDAR KECIL YANG BERFUNGSI
Kajian Kes : Bandar Renggam, Kluang, Johor

KAMARULZAMAN BIN TUGIMAN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar & Wilayah

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

Mac 2004

ABSTRAK

Dalam sistem hierarki petempatan, sememangnya bandar kecil adalah salah satu petempatan yang terdapat di dalam hierarki ini. Pelbagai definisi yang menerangkan maksud sebenar bandar kecil. Walau bagaimanapun, tiada satu penerangan secara terperinci apa yang dikatakan sebagai sebuah bandar kecil yang berfungsi. Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan adalah untuk melihat apakah yang dikatakan sebagai sebuah bandar kecil yang berfungsi selain menjadikan bandar Renggam sebagai kajian kes. Kajian ini telah menyenaraikan lapan kriteria pembentukan sebuah bandar kecil yang berfungsi. Kriteria-kriteria pembentukan bandar kecil yang berfungsi ini akan diimplementasikan ke dalam keadaan sebenar bandar Renggam. Ini adalah untuk menunjukkan sama ada bandar Renggam boleh dikategorikan sebagai bandar kecil yang berfungsi, sederhana berfungsi atau tidak berfungsi. Kefungsian bandar Renggam adalah berdasarkan nilai markah skor yang diperolehi. Daripada analisis yang telah dijalankan di dapati bandar Renggam bolehlah dikategorikan sebagai sebuah bandar kecil yang sederhana berfungsi. Dua faktor yang menyebabkan bandar Renggam sebagai bandar kecil sederhana berfungsi iaitu faktor jarak dan penyediaan kemudahan masyarakat, rekreasi dan infrastruktur masih belum lagi mencapai tahap yang sangat memuaskan. Pelbagai langkah perlu dijalankan bagi menjadikan bandar kecil ini lebih berfungsi. Secara keseluruhannya, adalah diharapkan dengan penyenaian kriteria-kriteria pembentukan bandar kecil ini akan sedikit sebanyak meningkatkan lagi taraf kehidupan terutamanya bagi penduduk bandar kecil dan penduduk luar bandar amnya. Diharapkan juga kajian ini dapat membantu dalam mengurangkan jurang perkembangan di antara kawasan bandar dengan luar bandar selain dapat membantu menaikkan lagi taraf hidup masyarakat luar bandar. Dengan kesempurnaan bandar kecil ini juga perhubungan di antara bandar kecil dan desa dengan bandar-bandar utama dapat di perkukuhkan.

ABSTRACT

If we look into placesness hierarchy, it is true that the small town is one of the place of living in this hierarchy. A lot of definition has been has been told to explain the meaning of small town. Nevertheless, there is no specific meaning or definition that talk about the small town that function. Because of that the study has been conduct in order to look what actually is the functional small town besides bandar Renggam has become the study area. This study has listed 8 criteria on how to form the functional small town. The criteria will be implement in the real area at bandar Renggam. The reason is to show wether bandar Renggam can be classified as functional small town, half functional small town or not the functional small town. The functional of bandar Renggam is based on the total score mark that has been given to the criteria. From the study analysis, we can say that bandar Renggam can be says as small town that is half function. Two factors have been indicating which is distance and a public facility is not good enough. Several strategies have been done to make sure bandar Renggam will become the functional small town. Overall, it is hope that with the criteria that has been listed can help the community in study area to improve the condition of the study area. It also hope this study can help the in order to decrease the development gap between the rural population and the urban population and can help to increase the social life of the study area. With the perfection of this study area, the relationship between small town and main town can be increase.